

PRINSIP
PERAKAUNAN
KERTAS 2
OGOS 2025
2 ½ JAM

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Murid :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2025

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[60 markah]

Jawab semua soalan daripada bahagian ini

Dialog berkenaan antara dua orang rakan perniagaan.

Amir : Kilang saya telah membeli mesin tiga tahun yang lalu dengan harga RM70 000 tetapi harga pasaran sekarang RM40 000. Mesin tersebut disusut nilaikan dengan menggunakan kaedah atas kos. Akan tetapi nilai mesin masih dicatat RM70 000 dalam buku perniagaan.

Ena : Tak nak tukar kaedah susut nilai lain ke?

Amir : Saya akan meneruskan kaedah yang sama.

Nyatakan dua prinsip perakaunan yang diamalkan oleh kilang Amir.

[2 markah]

- (b) Berikut merupakan urus niaga bagi Perniagaan Tina Enterprise.

Mengambil barang niaga untuk kegunaan promosi.

Nyatakan kesan terhadap aset dan ekuiti pemilik sama ada bertambah atau berkurang?

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut adalah kesilapan yang telah dikesan.

Bayaran komisen RM 500 dengan cek telah didebitkan dalam akaun bank dan dikreditkan dalam akaun komisen.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan berkenaan di dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).

[2 markah]

- (d) Petikan berikut daripada Akaun Perdagangan Perniagaan Sarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

	RM
Inventori awal	5 000
Inventori akhir	2 700
Kos Jualan	26 000
Untung kasar	35 000

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan hari)?

[2 markah]

- (e) Nyatakan dua kegunaan titik pulang modal?

[2 markah]

- 2 Shah Tech Solution merupakan perniagaan menjual dan membaiki komputer secara milikan tunggal. Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaan beliau bagi tahun berakhir 31 Ogos 2025.

	RM
Bank	13 550
Tunai	6 000
Akaun Belum Terima	4 000
Akaun Belum Bayar	5 000
Jualan	95 000
Hasil perkhidmatan	15 355
Belian	42 500
Pulangan jualan	2 500
Pulangan belian	1 500
Angkutan masuk	1 800
Angkutan keluar	1 300
Belanja am	2 200
Insurans	1 080
Faedah pinjaman bank	1 100
Susut nilai terkumpul kenderaan	9 000
Susut nilai terkumpul perabot	4 500
Peruntukan hutang ragu	275
Ambilan	2 500
Gaji	16 500
Utiliti	7 400
Iklan	1 200

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024

	RM		RM
Inventori	12 000	Modal	85 000
Premis	60 000	Pinjaman – matang Mei 2026	20 000
Kenderaan	45 000		
Perabot	15 000		

Maklumat tambahan yang belum diselaraskan:

- i. Inventori akhir di nilai pada harga kos RM15 000 manakala harga pasaran RM13 300.
- ii. Kontrak memperbaiki komputer selama setahun sehingga Disember 2025 telah di terima bayaran RM5 400.
- iii. Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula 1 November 2024.
- iv. Faedah pinjaman bank RM1 200 setahun.
- v. Susut nilai:
 - Kenderaan di nilai RM3 000 untuk tempoh berakhir 10 tahun.
 - Perabot pada kadar 10% setahun atas kos.
- vi. Seorang penghutang telah membayar tunai RM1 220 atas hutangnya yang telah menjadi lapuk pada tahun 2023. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- vii. Peruntukan Hutang Ragu di selaraskan 3% atas Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2025.

[14 markah]

- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2025.

[11 markah]

- 3 Normala dan Nisa ialah pekongsi bagi Perkongsian NoNi. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka telah menetapkan perkara berikut:
- (i) Untung rugi mengikut nisbah modal
 - (ii) Faedah atas modal dibayar 10% setahun
 - (iii) Faedah atas ambilan dikenakan 6% setahun
 - (iv) Faedah atas pinjaman dibayar 8% setahun
 - (v) Gaji tahunan Normala dan Nisa RM12 000 setahun seorang.

Berikut adalah Imbangan Duga Perkongsian NoNi pada 31 Disember 2024.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Modal : Normala		80 000
Nisa		40 000
Akaun Semasa : Normala		3 450
Nisa	2 100	
Ambilan Nisa (1 Ogos 2024)	1 000	
Pinjaman Normala		8 000
Kenderaan	60 000	
Perabot	12 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		6 000
Susut Nilai Terkumpul Perabot		1 200
Kadar Bayaran	3 535	
Insurans	5 600	
Peruntukan Hutang Ragu		200
Gaji	40 000	
Sewa	4 000	
Promosi	2 000	
Komisen		1 300
Bank	102 655	
Untung Kasar		97 440
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	8 000	3 300

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans prabayar RM 800
- (ii) Gaji yang dibayar termasuk gaji pekongsi. Didapati gaji Normala dan Nisa belum bayar masing-masing 3 bulan.
- (iii) Komisen diterima adalah RM 100 sebulan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun Belum Terima
- (v) Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Perabot disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. *[8 markah]*
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. *[6 markah]*
- (c) Akaun Semasa pekongsi. *[9 markah]*
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja). *[2 markah]*

[40 markah]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini

- 4 Perniagaan UniWear Ventures menjalankan perniagaan menjual pakaian uniform sekolah. Perniagaan ini mula beroperasi di Kota Bharu, Kelantan pada bulan April 2025. Baki di Buku Tunai pada 1 September 2025, adalah seperti berikut:

	RM
Bank	445 (kt)
Tunai	1 650

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank sepanjang bulan September 2025.

Tarikh	Urusniaga	No. Cek	RM
2025			
Sept 2	Terima cek daripada Alya untuk menjelaskan baki hutang RM4 000.		3 800
5	Bayaran kepada Sulaiman.	500678	500
	Tunai dibankkan.		1 050
11	Terima cek daripada Baihaqi Enterprise.		3 627
14	Bayaran kepada Melur Trading (Diskaun RM140)	500679	1 760
21	Terima cek daripada Emira.		3 500
24	Belian barang niaga.	500680	970
30	Bayar gaji pekerja.	500681	1 700

- a) **Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai di **Lampiran A** untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan.

[10 markah]

- b) Penyata Bank yang diterima oleh Perniagaan UniWear Ventures bagi bulan September 2025 adalah seperti berikut:

BANK ISLAM MALAYSIA BHD**Penyata Bank**

UniWear Ventures

Jalan Sultanah Zainab,

Bandar Kota Bharu, 15050 Kota Bharu, Kelantan

Tarikh: 30 September 2025

No. Akaun: 107108514663

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2025			RM	RM	RM
Sept 1	Baki b/b				145(dt)
3	Deposit			3 800	3 655(kt)
4	Cek	500677	300		3 355(kt)
5	Deposit			1 050	4 405(kt)
7	Cek	500678	500		3 905(kt)
14	Buku cek		25		3 880(kt)
20	Cek	500679	1 670		2 210(kt)
27	Cek	500680	970		1 240(kt)
30	Dividen			458	1 698(kt)

Maklumat tambahan:

- 1) Cek bernombor 500679 tersilap catat di dalam Buku Tunai.
- 2) Cek yang dibankkan pada 21 September 2025 telah dipulangkan oleh bank dengan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Berdasarkan jawapan anda di 3(a), **anda dikehendaki:**

(i) Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja).

[6 markah]

(ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2025.

[4 markah]

5 Puan Salina telah menjalankan perniagaan menjual pakaian di sebuah butik bernama Sally's Fashion. Puan Salina tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Maklumat berikut diperolehi daripada rekod kewangan Puan Salina pada 31 Disember 2024.

Senarai aset dan liabiliti:

	1 Jan. 2024	31 Disember 2024
Kenderaan	70 000	95 000
Perabot	50 000	45 000
Inventori	12 500	10 750
Akaun Belum Bayar	17 180	15 500
Insuran Prabayar	600	-
Kadar Bayaran Belum Bayar	450	-

Buku Tunai (Ruangan Bank)

	RM		RM
Baki b/b	23 200	Kadar bayaran	1 600
Jualan	132 500	Insuran	1 200
Komisen	1 200	Akaun Belum Bayar	7 800
		Ambilan	600
		Belanja Am	1 350
		Belian	27 450
		Gaji	12 000
		Sewa	6 000
		Perabot	1 700

Maklumat Tambahan:

- i) Puan Salina terpaksa memulangkan 10 pasang baju bernilai RM1 600 kerana rosak.
- ii) Kadar bayaran bulan Disember berjumlah RM 150 belum dijelaskan.
- iii) Komisen belum terperoleh RM 200
- iv) Kenderaan baru dibeli pada 1 Julai 2024. Semua kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- v) Puan Salina telah mengambil sepasang baju dari butiknya bernilai RM 170 untuk anaknya.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Mengira Modal Awal. *[3 markah]*
- b) Akaun Kawalan Belum Bayar *[3 markah]*
- c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.
(bentuk penyata) *[12 markah]*
- d) Dua implikasi Rekod Tak Lengkap *[2 markah]*

6 Pada 1 September 2024, Syarikat Selesa Berhad telah menerbitkan syer seperti berikut:

750 000 unit syer biasa pada harga RM 0.50 sesyer

240 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM 2.00 sesyer

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 September 2024. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 30 Jun setiap tahun.

Pada 15 Januari 2025 syarikat telah menerbitkan syer untuk kali kedua kerana keperluan modal yang mendesak bagi Syarikat Selesa Berhad. Sebanyak 250 000 unit syer biasa pada harga RM 1.00 dan 150 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM 2.00 telah diterbitkan. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Januari 2025.

Lembaga Syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- Mengisytiharkan dividen interim kepada semua pemegang syer pada 31 Disember 2024. Dividen syer biasa dibayar pada kadar 4%.
- Mengisytiharkan dividen akhir 10 sen sesyer kepada pemegang Syer Biasa dan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan pada 30 Jun 2025.

Anda dikehendaki:

- a) Menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi kedua-dua syer pada tarikh berikut:
- i) Terbitan pertama pada 30 September 2024. [2 markah]
 - ii) Terbitan kedua pada 31 Januari 2025. [2 markah]
- b) Menyediakan catatan jurnal am bagi merekod terbitan dan pembayaran pertama bagi syer. (keterangan tidak diperlukan) [7 markah]
- c) Menghitung
- i) dividen interim [2 markah]
 - ii) dividen akhir [3 markah]
- d) Menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025. [4 markah]

KERTAS TAMAT